

# Usim menang



>>Oleh Amir Abd Hamid  
amir@hmetro.com.my

**K**UALA LUMPUR: Hasil galakan rakan dan suasananya kreatif pasukan Pusat Pengurusan Ilmu dan Teknologi Maklumat (IT) Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) mengungguli kejuaraan pertandingan laman web kategori institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Pasukan IT Usim yang diketuai pegawai kanannya, Mohd Saiful Abd Samad menewaskan 19 IPTA lain yang menyertai pertandingan berkenaan, baru-baru ini.

Mohd Saiful, 30, berkata kemenangan itu dibantu suasana kerja yang menggalakkan percambahan krea-



**JUARA**  
...Profesor  
Dr Mohammad  
menerima trofi  
dan sijil  
penghargaan  
daripada  
Khaled.

tiviti ditambah pula kesungguhan ahli pasukannya iaitu Penolong Pegawai IT, Shahrera Mohameddin, 27, serta dua jurureka Faizal Mohd Fuad, 23, dan Ahmad Fazli Ismail, 23.

Usim yang menjadi juara

membawa pulang trofi dan sijil penghargaan diwakili Pengarah Pusat Perkembangan Strategik dan Hubungan Korporatnya, Profesor Dr Mohammad Alias yang menerimanya daripada Menteri Pengajian Tinggi,

Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Tempat kedua dimenangi Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) manakala tempat ketiga disandang Universiti Putra Malaysia (UPM).

Penilaian dalam pertandingan laman web 2008 bagi Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dilaksanakan pada 4 hingga 8 Ogos 2008 lalu di Politeknik Sultan Idris Shah, Sabak Bernam.

Sebanyak lima kategori dipertandingkan iaitu kategori KPT dan jabatan serta agensi di bawahnya, IPTA, IPTS, politeknik dan Kolej Komuniti.

Mohamed Khaled dalam ucapan perasmianya berkata, pertandingan berkenaan bertujuan memperkukuhkan nilai budaya kualiti dan memberi pengiktirafan terhadap usaha meningkatkan kualiti, kreativiti dan produktiviti.